

Jamudin
Idris



Jabatan Warisan Negara pupuk budaya konservasi

Berita Harian 04/02/2010 M/S 17

Bahan, tempat bersejarah tarikan untuk tatapan generasi akan datang

GIGIHNYA usaha dijalankan Jabatan Warisan Negara (JWN) bukan saja menyebabkan ia semakin dikenali malah lebih penting, berjaya menyuntik kesedaran ramai mengenai pentingnya pemeliharaan khazanah negara yang sesetengahnya tidak ternilai harganya.

Dapat dibayangkan apa akan berlaku pada negara sekiranya tiada JWN. Siapakah yang akan berusaha mengangkat Georgetown dan Melaka sebagai Bandaraya Sejarah oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan (Unesco)?

Siapa yang akan mempedulikan bangunan bersejarah, bagaimana dengan kerja konservasi bangunan warisan, bidang arkeologi dan apakah nasib yang menimpa pada kesenian tradisional rakyat Malaysia?

Kita tentunya gembira kerana kerajaan cepat sadar dan tangkas bertindak selain memilih orang yang tepat, iaitu Prof Emeritus Datuk Siti Zuraina Abdul Majid untuk mengemudi satu jabatan baru. Walaupun JWN boleh dianggap setahun jagung berbanding jabatan lain, kaitannya gigih dan nama Malaysia semakin dikenali warga dunia khususnya Unesco.

Bermula daripada bahagian warisan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (kini Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan) ia dinaikkan taraf sebagai jabatan pada 1 Mac 2006. JWN antara lain bertanggungjawab memulih, memelihara dan mengekalkan warisan negara seperti yang termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005.



GAMBAR HIASAN

JABATAN Warisan Negara sentiasa menjaga dan memulihara khazanah negara untuk tatapan generasi akan datang.

peringkat dunia ke atas khazanah warisan negara berbentuk dokumentasi yang mempunyai kepentingan di peringkat dunia.

Usaha besar lain untuk tahun

Seperti yang ditegaskan Siti Zuraina, hasrat murni untuk melindungi, memelihara, memulihara serta membangunkan sebarang butiran warisan seperti bangunan, t

huan JWN, jabatan itu membantu dari segi kerja konservasi dan kini ia menjadi masjid yang cantik.

Bersempena dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai Kota Kebudayaan Islam 2009 oleh Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), JWN menganjurkan Jejak Warisan Masjid. Ia membabitkan 303 pelajar pelbagai sekolah.

Melalui program ini peserta dibawa melawat Masjid Jameul Ehsan Setapak, Masjid India, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Masjid Asy-Syakirin KLCC, Masjid Jamek Kampung baru dan Masjid Wilayah di Jalan Duta. Turut diadakan ialah pelancaran buku *Heritage Mosques and Musollas of Kuala Lumpur*. Ia gambaran Kuala Lumpur dari segi masjid, surau tertentu serta madrasah yang mempunyai nilai warisan.

Cawangan Arkeologinya pula terbabit dengan pelaksanaan ekskavasi arkeologi di Tapak Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah. Ia bertujuan mengkaji kewujudan tamadun Lembah Bujang melalui kajian ekskavasi arkeologi yang sistematik, analisis makmal, pentarikhan dan pemetaan dan ia penting untuk mengangkat kawasan itu dalam peta Arkeo-Tourism Malaysia.

Kajian juga dijalankan di Sabah khususnya di Semporna, Sabah Timur memandangkan tapak arkeologinya dianggarkan berusia 3,000 tahun. Program itu antara lain bertujuan menyemai kecintaan terhadap warisan arkeologi.

Jejak Warisan 2009, temasya permainan tradisi Malaysia dan Kembara Warisan menyerikan lagi kalendar JWN. Semua program itu

“ Usaha JWN memperjuangkan bidang warisan tentunya bukan sendirian tetapi ia turut dibantu jabatan lain. Apa yang penting di sini usaha berterusan dilakukannya, terutama untuk menyedarkan orang ramai mengenai perlunya sama-sama menjaga dan menyayangi warisan yang sesetengahnya tidak ternilai tetapi semakin terpinggir dalam arus pembangunan moden”

“ Bangunan Sultan Suleiman yang berusia 101 tahun dan dibina pada 1909 sudah menjalani proses perubahan dari sebuah bangunan pejabat kepada sebuah Galeri Diraja yang mengagumkan. Kini bangunan itu menyimpan khazanah Kesultanan Selangor dan artifak

Usaha JWN memperjuangkan bidang warisan tentunya bukan sendirian tetapi ia turut dibantu jabatan lain. Apa yang penting di sini usaha berterusan dilakukannya, terutama untuk menyedarkan orang ramai mengenai perlunya sama-sama menjaga dan menyangi warisan yang sesetengahnya tidak ternilai tetapi semakin terpinggir dalam arus pembangunan moden.

Jika pemilihan dua Bandaraya Bersejarah diraih dan diraikan pada penghujung 2008, pencapaian besar pada tahun lalu ialah pemilihan Batu Bersurat Terengganu sebagai 'Memory of the World International Register (MWIR)' atau Daftar Memori Dunia Antarabangsa oleh Unesco. Ia adalah satu program di bawah badan dunia itu bagi memastikan khazanah warisan berbentuk dokumentasi terpelihara untuk diwarisi generasi akan datang.

Ini adalah pengiktirafan keempat yang diperoleh Malaysia selepas pengiktirafan diberi di bawah kategori sama kepada *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu* dan *Surat-Surat Sultan Abdul Hamid* pada 2001. Semuanya itu pengiktirafan

lalu ialah pengisytiharan Bangunan Sultan Suleiman di Klang sebagai Warisan Kebangsaan. Majlis disempurnakan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Ia berlangsung di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz.

Bangunan Sultan Suleiman yang berusia 101 tahun dan dibina pada 1909 sudah menjalani proses perubahan dari sebuah bangunan pejabat kepada sebuah Galeri Diraja yang mengagumkan. Kini bangunan itu menyimpan khazanah Kesultanan Selangor dan artifak peninggalan sultan-sultan terdahulu sebagai tatapan dan sumber maklumat generasi kini.

Dua hari selepas itu, majlis serah tapak Bangunan Warisan Masjid Kuala Dal dan Bangunan Sanitary Board di Perak. Masjid Kuala Dal terletak di Padang Rengas. Kerja konservasi berjaya disiapkan dalam tempoh enam bulan dan secara rasmi siap pada Ogos 2009.

Bangunan Sanitary Board pula terletak di Taiping. Projek pemuliharaan mula dilaksanakan pada Jun 2008 sehingga pertengahan 2009. Selepas ini bangunan berkenaan akan dijadikan balai pameran 'The Many First of Taiping'.

pak arkeologi dan tapak semula jadi perlu mendapat sokongan semua pihak.

Sepanjang tahun lalu banyak konservasi bangunan warisan dilakukan, bertujuan menambah baik mutu dan kualiti kerja berkaitan dengan kerja pada bangunan warisan. Seperti kata Siti Zuraina, pihaknya menjalankan kerja-kerja konservasi dalam usaha membaiki dan memuliharaan bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah dan nilai seni budayanya.

Tidak kurang menariknya majlis perasmian dan penyerahan bangunan warisan Masjid Lama Kedai Mulong, Kelantan yang disempurnakan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim pada Julai 2009.

Bangunan itu asalnya Balairong Seri Istana Raja Dewa Tuan Zainal Abidin di Kota Bharu. Penduduk kampung membelinya pada harga RM1,000 pada 1958. Disebabkan bangunan itu panjang, lantai dan bumbung terpaksa dipotong bagi memudahkan kerja pemindahan. Ia kemudian dipasang secara bergotong-royong.

Apabila ia dibawa ke pengeta-

wajar diteruskan khususnya Jejak Warisan yang disertai lebih 300 orang dan antara lain mereka meninjau tapak penyelidikan dan ekskavasi Tembok Kota Melaka, Kuil Sri Poyyatha Vinayaga Moorthy dan Masjid Kampung Kling.

Program penting yang boleh dianggap serlahan antarabangsa ialah seminar Perlindungan Harta Kebudayaan. Ia memberi persepsi jelas mengenai perkara itu terutama aspek undang-undang dan pertahanan dalam melindungi harta kebudayaan serta kaedah dalam pelaksanaannya.

Bagaimana dengan tahun ini? Kita mendoakan hasrat JWN untuk mencadangkan tapak arkeologi Lembah Lenggong, Perak diiktiraf sebagai tapak warisan dunia. Lembah Lenggong mempunyai keistimewaan untuk mendapat pengiktirafan Unesco kerana ia menjadi laluan awal pendudukan manusia dari Afrika ke Australia.

Siti Zuraina menambah, keistimewaan itu ditambah lagi dengan penempatan awal dan menjadi 'ibu kota' termasuk penemuan 'Perak Man' di Gua Gunung Runtuh.

Penulis ialah perunding media

peninggalan Sultan Sultan terdahulu sebagai tatapan dan sumber maklumat generasi kini"

“ Program penting yang boleh dianggap serlahan antarabangsa ialah seminar Perlindungan Harta Kebudayaan. Ia memberi persepsi jelas mengenai perkara itu terutama aspek undang-undang dan pertahanan dalam melindungi harta kebudayaan serta kaedah dalam pelaksanaannya”